

SOALAN NO. 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK MADIUS TANGAU [TUARAN]

TARIKH : 24 MAC 2015 (SELASA)

SOALAN :

YB Datuk Madius Tangau [Tuaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menyelaraskan Elaun Perumahan Wilayah dan juga Elaun Pengetua di seluruh negara supaya kita hanya ada satu kadar untuk semua wilayah dan apakah sebenarnya asas mendiskriminasikan pegawai-pegawai daripada Sabah yang berkhidmat di Semenanjung Malaysia dalam pemberian Elaun Perumahan Wilayah.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua Pengetua di sekolah menengah dibayar Elaun Pengetua pada kadar RM150.00 sebulan. Elaun ini tidak ditetapkan berdasarkan wilayah atau lokasi di mana pegawai bertugas. Oleh yang demikian, tidak berbangkit isu pembayaran Elaun Pengetua pada kadar yang berbeza.

Selain itu, Elaun Perumahan Wilayah (EPW) dibayar kepada pegawai yang bertukar wilayah. Penetapan kadar tersebut adalah berdasarkan lokasi dan kadar sewa pasaran yang ditinjau oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Kementerian Kewangan. Oleh itu, penentuan kadar EPW adalah berpandukan kepada bandar atau kawasan di mana pegawai berkenaan bertugas.

Secara amnya, kadar sewa rumah di Negeri Sabah, Negeri Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah lebih tinggi berbanding dengan kadar sewa di Semenanjung Malaysia. Oleh itu, wujud kadar EPW yang berbeza di antara bandar-bandar di Semenanjung Malaysia dengan bandar-bandar di Negeri Sabah dan Negeri Sarawak termasuk Wilayah Persekutuan Labuan. Sehubungan ini, tidak timbul isu diskriminasi berkenaan pemberian EPW kepada pegawai yang bertukar wilayah.

Sekian. Terima kasih.